

## Ahli Pertubuhan OCCM Dan Persepsi Mereka Terhadap Peranan Pertubuhan

### Latarbelakang Ahli

Dalam bab ini, kita akan cuba meneliti sedikit sebanyak mengenai latarbelakang ahli Pertubuhan OCCM, di samping meninjau pendapat mereka mengenai peranan pertubuhan yang mereka anggotai. Seperti yang telah diuraikan dalam bab yang lalu, Pertubuhan OCCM mengandungi ahli seramai lebih daripada 900 orang yang meliputi kaum cacat Cina di seluruh negara. Seramai 40 orang responden telah dipilih dalam penyelidikan ini sebagai penyumbang maklumat yang penting. Oleh kerana pengkaji menghadapi masalah rumit dalam memperolehi butir-butir peribadi yang kemaskini dari semua ahli, maka 40 orang ahli yang telah dipilih secara sistematik ini akan dijadikan asas perbincangan dan pada umumnya, mereka dapat mewakili kesemua ahli-ahli Pertubuhan OCCM.

#### 3.1 Butir-butir Peribadi

Seperti yang telah ditunjukkan dalam jadual 4, kebanyakan responden (44.5%) terdiri daripada mereka yang berumur antara 21-30 tahun. Hanya 4 orang daripada mereka

yang mengatakan bahawa mereka adalah cacat semulajadi.35 orang yang lain menjadi cacat selepas kelahiran disebabkan penyakit Polio,kemalangan dan sebagainya.Kebanyakan daripada mereka memerlukan bantuan kerusi beroda untuk bergerak.

Jadual 4  
Kategori Umur Ahli Pertubuhan OCCM Dan  
Bilangannya Mengikut Jantina

Kategori Umur (tahun)	Lelaki		Perempuan	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
16-20	1	2.5	2	5.0
21-25	6	20.0	3	7.5
26-30	7	17.5	7	17.5
31-35	2	5.0	5	12.5
36-40	1	2.5	1	2.5
41-	2	5.0	1	2.5
Jumlah	21	52.5	19	47.5

Jadual 5 pula menunjukkan jenis agama responden. Sebahagian besar daripada mereka memberitahu pengkaji bahawa agama telah membantu mereka daripada melepaskan ikatan psikologikal mereka setelah menjadi cacat. Ajaran agama telah memberi tenaga dan harapan masa depan bagi mereka

supaya dapat hidup dalam keadaan hidup mereka yang penuh dengan cabaran.

: Jadual 5  
Jenis Agama Yang Dianuti Oleh Pertubuhan  
OCCM Dan Bilangan Penganutnya

Agama	Bil.Penganut
Kristian	12
Buddhis	20
Khatolik	1
Taoism	4
Tiada agama	3
Jumlah	40

## 1.2 Butir-butir Kekeluargaan

Antara 40 orang responden yang tersebut, 12 orang daripada mereka telah berumahtangga dan mempunyai anak masing-masing seramai 1, 2, atau 3 orang. Manakala 28 orang lagi masih bujang.

Kajian ini mendapati hampir semua responden datang dari keluarga yang kurang berada. Kebanyakan ibu bapa mereka bekerja sebagai petani, pekebun sayur, penoreh getah dan penjaja. Hanya seorang ahli yang mengata-

kan bapanya seorang guru besar di sekolah rendah. Keadaan kehidupan keluarga responden-responden agak miskin, ini bertambah buruk apabila terdapat bilangan adik-beradik yang ramai dalam sesebuah keluarga.

Seramai 7 orang ahli mengatakan bahawa sejak mereka mengalami kecacatan, mereka telah ditinggalkan oleh ibu bapa mereka. Mereka terpaksa tinggal dalam rumah amal dan hidup dalam keadaan yang serba kekurangan. Ahli-ahli yang lain sama ada tinggi dengan keluarga sendiri, sudah berumahtangga atau menyewa bilik dengan kawan-kawan cacat yang lain.

### 3.3 Taraf Pendidikan

Kebanyakan responden mempunyai taraf pendidikan yang rendah. Jadual berikut memberi gambaran tentang hal persekolahan iaitu tingkat meninggalkan sekolah di kalangan responden.

Jadual 6  
Tingkat Meninggalkan Sekolah Di  
Kalangan Ahli Pertubuhan OCCM

Tingkat Apabila Meninggalkan Sekolah	Bilangan Responden	Peratus (%)
Sekolah Rendah	14	35.0
Sekolah Menengah	14	35.0
Tingkat Enam	1	2.5
Diploma	1	2.5
Masih Menuntut	2	5.0
Tidak Pernah Belajar	8	20.0
Jumlah	40	100.0

Jadual di atas menunjukkan taraf pendidikan yang rendah di kalangan ahli Pertubuhan OCCM. Dalam kategori 'Sekolah Rendah' dan 'Sekolah Menengah' di atas tidak bermaksud responden telah tamat darjah 6 atau tingkatan 5 masing-masing, tetapi sebaliknya sebahagian besar daripada mereka hanya mampu tamat darjah 3, darjah 5, tingkatan 1, 2 dan 3.

Hanya 4 orang sahaja yang boleh digolongkan sebagai mereka yang dapat pendidikan peringkat tinggi, yakni seorang (2.5%) tamat tingkatan 6, seorang lagi

(2.5%) mendapat sijil dalam Diploma LCCI (Perakaunan) dan 2 orang (5%) masih menuntut iaitu menyertai khursus Ekonomi dan Perniagaan masing-masing di institusi swasta. Selain daripada itu, 8 orang (20%) yang lain buta huruf dan tidak pernah menuntut atau menerima pendidikan formal.

### 3.4 Pengalaman Pekerjaan

Selain daripada masalah keciciran dalam bidang belajaran, masalah pengangguran juga merupakan suatu masalah sosial yang umum di kalangan orang cacat. Antara 40 orang responden yang tersebut, 14 orang daripada mereka adalah penganggur. 26 orang yang lain bekerja, tetapi pekerjaan mereka tidak menawarkan pendapatan yang lumayan, bahkan kadang-kala tidak cukup untuk memenuhi keperluan hidup mereka. Di antara kerja-kerja yang dilakukan oleh mereka adalah seperti penjaja, tukang jahit, membuat kunci, membuat perabot rotan, membaiki alat elektrik dan sebagainya. 20 orang daripada responden menyatakan bahawa kemahiran mereka didapati sebelum mengalami kecacatan. Manakala yang lain pula mengatakan bahawa kemahiran mereka diperolehi selepas mengalami kecacatan iaitu di pusat-pusat tertentu, misalnya Pusat Pemulihan Beras yang dikendalikan oleh pihak Kementerian Kebajikan Masyarakat atau di tempat kerja mereka masing-masing. Jadual

7 menunjukkan gaji bulanan yang didapati oleh mereka yang bekerja.

Jadual 7

Gaji Bulanan Bagi Ahli Pertubuhan OCCM Yang Bekerja

Gaji Bulanan (\$)	Bil.Responden
801 dan ke atas	2
701-800	-
601-700	2
501-600	4
401-500	1
301-400	7
201-300	6
101-200	1
50 dan ke bawah	1
Tiada jawapan	2
Jumlah	26

Dari jadual di atas, didapati majoriti responden (16 orang) memperolehi pendapatan bulanan yang kurang daripada \$500. Jumlah pendapatan sedemikian menjadi suatu masalah besar bagi mereka yang telah berumahtangga memandangkan kos hidup yang semakin tinggi. Hanya 8 orang sahaja yang mempunyai pendapatan lebih daripada \$500 iaitu

4 orang yang mendapat gaji bulanan antara \$501-600, 2 orang mendapat gaji antara \$601-700 dan 2 orang mendapat gaji sebanyak \$801 dan ke atas. Kerja yang memberi gaji bulanan yang lebih tinggi itu termasuk membuat perabot rotan, menjadi agen insuran, membuat kunci dan setiausaha dalam sebuah firma besar.

Bagi responden yang menganggur pula, apabila mereka ditanya sebab-sebab mereka sedang menganggur, mereka memberi alasan-alasan seperti yang disenaraikan dalam jadual yang berikut :

Jadual 8

Sebab-sebab Menganggur Di Kalangan Responden

Sebab Menganggur	Bil. Responden
Tiada kemahiran khas	4
Kecacatan teruk (tidak dapat bekerja)	3
Permohonan tidak dilayan	1
Ada sumber ekonomi dari ibu bapa	3
Tiada modal permulaan	1
Taraf pendidikan rendah menjadi halangan	2
Jumlah	14



Selepas temuduga, didapati mereka yang menganggur menghadapi masalah besar, ada di antara mereka lebih bernasib baik kerana masih dapat hidup di bawah jagaan ibu bapa, tetapi sebahagian besar daripada mereka terpaksa meneruskan kehidupan mereka dengan bantuan kewangan dari kawan atau bergantung kepada derma orang ramai. Beberapa orang daripada mereka memberitahu pengkaji bahawa mereka ingin memohon masuk ke rumah amal kerana ia merupakan tempat perlindungan orang cacat yang terbaik yang menyediakan tempat penginapan, makanan, hiburan dengan percuma, bahkan penghuni rumah amal mudah mendapat derma kewangan dan barangan dari orang ramai kerana masyarakat sering menderma kepada rumah amal.

### 3.5 Sebab Menyertai Pertubuhan

Responden telah ditanya tentang objektif utama mereka menganggotai Pertubuhan OCCM dan jadual berikut merupakan keputusan yang telah didapati :

Jadual 9

Objektif Kemasukan Responden Ke Dalam Pertubuhan OCCM

Objektif Utama	Bil. Responden
Memenuhi masa lapang	5
Mengenali lebih ramai kawan	22
Mendapat latihan kemahiran	32
Memerlukan bantuan kewangan	19
Memerlukan bantuan kaunselling	5
Jumlah	63

Nota : Seorang responden mungkin memilih lebih daripada 1 objektif)

Di samping itu, responden juga ditanya pendapat mereka mengenai peranan yang harus dimainkan oleh sesebuah pertubuhan yang benar-benar berfungsi. 27 responden memberitahu bahawa sesebuah pertubuhan yang benar-benar boleh memberi perkhidmatan kepada golongan sasaran perlu memainkan peranan sebagai tempat melatih orang-orang yang tiada kemahiran. Manakala 17 responden menjawab bahawa sesebuah pertubuhan harus memberi bantuan kepada orang-orang yang memerlukan, sama ada bantuan kewangan atau barangan. Pendapat lain adalah : mengetahui masalah sebenar yang sedang dihadapi oleh ahli (10 orang); membantu ahli mendapatkan peluang pekerjaan (6 orang); memupuk

kesedaran masyarakat tentang keperluan orang cacat sebenarnya (3 orang) dan bantuan kaunselling supaya ahli-ahli dapat menerima hakikat kecacatan (2 orang). Seorang ahli memberi pendapat bahawa Pertubuhan tidak harus memberi bantuan kewangan atau barangan sepanjang masa tetapi sebaliknya ia harus memberi galakan kepada ahli-ahlinya supaya memperjuangkan hak orang cacat sebagai sebahagian daripada masyarakat. Cara ini dapat mengelakkan orang cacat daripada terlalu bergantung kepada orang lain.

Menurut salah seorang responden, orang cacat merupakan golongan masyarakat yang tidak berguna seperti sangkaan orang ramai. Pandangan sempit masyarakat terhadap orang cacat bahawa mereka adalah tidak berguna seperti pengemis harus ditinggalkan kerana kini orang cacat juga mampu hidup berjaya seperti orang biasa. Sebenarnya bukan orang cacat tidak memajukan diri sendiri, tetapi hakikatnya ialah orang cacat tidak diberi peluang untuk maju.

Pendapat responden tersebut dapat dibuktikan melalui soalan yang telah ditanya kepada responden. Dari 26 orang responden yang menjawab mempunyai pekerjaan sekarang, 6 orang daripadanya mengakui bahawa mereka ingin mencari kerja jika ada peluang. Alasan mereka adalah kerja sekarang menawarkan gaji yang terlalu rendah, mereka mengharapkan

orang baru untuk mencuba kerja lain dalam kehidupan mereka. Mereka perlukan pendapatan yang lebih tinggi dari sekarang untuk menampung kos hidup yang kian meningkat. Tetapi peluang yang ditawarkan kepada orang cacat begitu terhad.

Apabila ditanya mengenai peluang yang diperuntukkan untuk orang cacat, jelas terdapat aduan dari para responden, walaupun banyak langkah dan usaha telah dilakukan oleh kerajaan untuk membantu mereka. Antaranya ialah membuat peruntukan kerja untuk mereka. Pihak kerajaan telah mengkhaskan sebanyak 1% pekerjaan di sektor awam untuk orang cacat. Tetapi malangnya seruan kerajaan kepada pihak swasta supaya mengupah lebih ramai pekerja cacat telah mendapat sambutan yang tidak memuaskan. Pada tahun 1990, daripada 1,200 surat rayuan yang telah dikirim kepada para majikan swasta, hanya 335 majikan yang membalas surat. Di antaranya 100 majikan telah menunjukkan sokongan positif dan bersetuju menawarkan jawatan kosong sejumlah 693 dengan secepat mungkin untuk orang cacat. Jawatan tersebut termasuk kerani, pekerja sektor pengeluaran dan sebagainya. Antaranya 536 jawatan (76%) adalah disediakan khas untuk pekerja cacat pendengaran, 142 (20%) untuk pekerja cacat anggota badan dan 15 (2%) untuk pekerja cacat penglihatan.<sup>19</sup>

Walaupun rancangan ini telah memperbanyakkan peluang pekerjaan untuk orang cacat, tetapi adalah jelas

Orang-orang apa yang telah ditawarkan tidak dapat memenuhi keinginan orang cacat yang kian meningkat. Responden-responden yang telah ditemui benar-benar berasa hampa kerana sikap prasangka terhadap orang cacat masih ada di sanubari mereka terutamanya dalam sektor swasta. Mereka tidak rela untuk mengupah orang cacat kerana menyangka orang cacat tidak mampu untuk melakukan sesuatu kerja seperti orang normal. Keadaan kurang sempurna orang cacat dikatakan telah mengurangkan keupayaan mereka untuk bekerja. Tetapi menurut responden yang ditemui, dalam banyak keadaan, bukanlah masalah fizikal orang cacat yang telah menghadkan keupayaan mereka, tetapi keadaan sesebuah syarikat yang tidak sesuai menghadkan keupayaan mobiliti mereka. Maka dalam konteks ini, orang cacat tidak patut dipersalahkan.

Menurut responden lagi, dalam bangunan-bangunan awam, tiada kemudahan yang sesuai untuk kegunaan orang cacat seperti ramp, ruang yang cukup untuk laluan kerusi roda, tandas khas, tempat letak kereta/motorsikal untuk kegunaan orang cacat dan sebagainya. Walaupun pindaan telah dibuat kepada undang-undang bahawa semua bangunan awam mesti mengamalkan piawaian Malaysia yang ada menyediakan kemudahan untuk orang cacat. Keadaan yang menyedihkan orang cacat ialah kemudahan awam orang cacat dalam setengah-setengah bangunan telah disalahgunakan. Misalnya tandas khas dijadikan bilik runcit untuk meletak penyapu, baldi, serbuk

bersih tandas dan sebagainya. Ini menyebabkan orang cacat tidak dapat menggunakan tandas tersebut. Di samping itu, bangsaluan kerusi beroda dijadikan tempat meletak atau mengut-memungut barang, manakala tempat letak kereta atau motorsikal yang disediakan untuk orang cacat biasanya telah diokupasi oleh pemandu kereta/motorsikal biasa yang tidak bertanggungjawab.

Keadaan tersebut menunjukkan sikap setengah-mengengah majikan yang tidak bersedia untuk mengupah pekerja cacat dan ini seterusnya mencerminkan sikap majikan yang menganggap bahawa orang cacat tidak mampu atau tidak berkeupayaan untuk bekerja dalam syarikat mereka. Keadaan demikian telah menyebabkan orang cacat bangun menentang pada 22hb. July 1990 semasa suatu perjumpaan orang cacat yang dianjurkan oleh Persatuan Orang Cacat Malaysia di Kuala Lumpur. Dalam perjumpaan tersebut, orang cacat menyokong pindaan undang-undang dalam pembinaan bangunan awam supaya setiap bangunan yang dibina mulai tahun 1991 mesti menyediakan kemudahan yang sesuai untuk orang cacat. Bangunan yang telah sedia ada pula mesti menyediakan kemudahan sedemikian dalam tempoh 3 tahun. Mereka menentang kuat mana-mana pihak yang cuba mengabaikan atau merendahkan peranan orang cacat. Seperti apa yang dikatakan oleh Pengarah perkumpulan tersebut, "hak orang cacat mesti diiktirafkan demi kebahagiaan kita." <sup>20</sup>

Alasan-alasan yang tersebut sedikit banyak mendorong orang cacat untuk menganggotai organisasi supaya keadaan kehidupan mereka dapat diperbaiki, utamanya bagi mereka yang bekerja sebagai penjaja, walaupun beberapa ringgit sehari memang tidak mencukupi keperluan sendiri, apatah lagi jika ia telah berkahwin dan mempunyai beberapa orang anak. Justeru itu, mereka benar-benar mengharapkan banyak bantuan dari Pertubuhan mereka supaya keadaan kehidupan mereka dapat diperbaiki.

Setahu kita, alat-alat keperluan orang cacat amat mahal harganya. Antara lain alat otopedik yang diperlukan orang cacat berharga seperti berikut :

#### Jadual 10

#### Harga Alat Otopedik Yang Digunakan Oleh Orang Cacat

Jenis Alat	Harga
Kaki palsu	\$4000 - \$5000 (sepasang)
Tongkat	\$ 100 - \$ 300
Kerusi beroda	\$ 600 - \$ 700 (kualiti sederhana)
	\$1000 - \$2000 (kualiti baik)

Menurut kajian, sebilangan besar responden

mereka menggunakan kerusi beroda. Menurut mereka, perbelanjaan untuk alat-alat tiruan otopedik amat membebankan kehidupan mereka, demikian juga perbelanjaan untuk membaiki kerusi beroda apabila rosak atau apabila mereka perlu digantikan dengan 'parts' setahun sekali. Ini memerlukan perbelanjaan seratus-ratus ringgit. Kaki palsu juga tidak tahan lama; sebuah kaki palsu paling lama boleh tahan selama 2-3 tahun sahaja.

Di samping itu, tambang pengangkutan mereka yang lebih tinggi memandangkan mereka terpaksa menggunakan perkhidmatan teksi setiap kali pergi ke sesuatu tempat. Tambang teksi sudah tentu lebih daripada tambang kereta. Maka tambang pengangkutan sekali lagi memberatkan beban kehidupan mereka.

Bagi responden yang menganggur, beban kehidupan mereka lebih berat. Antara 4 orang yang tidak bekerja dalam sampel pengkaji, hanya 2 orang sahaja yang menjawab mereka mendapat bantuan kewangan dari ibu bapa. 12 orang yang lain tiada sumber pendapatan yang tetap dan mereka hanya bergantung kepada derma orang ramai atau bantuan sekali sekala dari pihak swasta untuk meneruskan kehidupan. Keadaan sedemikian memang menyeronokkan berpanjangan kerana seseorang tidak dapat bergantung kepada orang lain sepanjang umur hidupnya. Demikian juga dengan mereka yang mendapat jagaan ibu bapa kerana ibu



mereka menggunakan kerusi beroda. Menurut mereka, perbelanjaan untuk alat-alat tiruan otopedik amat membebankan kehidupan mereka, demikian juga perbelanjaan untuk membaiki kerusi beroda apabila rosak atau apabila mereka perlu digantikan dengan 'parts' setahun sekali. Ini memerlukan perbelanjaan ratusan ringgit. Kaki palsu juga tidak tahan lama; memang kaki palsu paling lama boleh tahan selama 2-3 tahun sahaja.

Di samping itu, tambang pengangkutan mereka yang lebih tinggi memandangkan mereka terpaksa menggunakan perkhidmatan teksi setiap kali pergi ke sesuatu tempat. Tambang teksi sudah tentu lebih daripada tambang kereta. Maka tambang pengangkutan sekali lagi memberatkan beban kehidupan mereka.

Bagi responden yang menganggur, beban kehidupan mereka lebih berat. Antara 4 orang yang tidak bekerja dalam kalangan pengkaji, hanya 2 orang sahaja yang menjawab mereka mendapat bantuan kewangan dari ibu bapa. 12 orang yang lain tiada sumber pendapatan yang tetap dan mereka hanya bergantung kepada derma orang ramai atau bantuan sekali sekala dari keluarga untuk meneruskan kehidupan. Keadaan sedemikian memang menyedihkan berpanjangan kerana seseorang tidak dapat bergantung kepada orang lain sepanjang umur hidupnya. Demikian juga dengan mereka yang mendapat jagaan ibu bapa kerana ibu

ia tidak dapat menjaganya seumur hidup. Oleh itu  
dia perlu cuba hidup berdikari. Maka jalan yang  
baik ialah menerima latihan kemahiran dan mendapat  
pekerjaan yang dapat menyara hidup mereka.

Selain daripada tujuan mendapat latihan dan  
pekerjaan, memenuhi masa lapang dan mengenali lebih ramai  
orang juga merupakan objektif yang utama bagi orang cacat  
sesuai sesuatu Pertubuhan. "Kehidupan kita yang penuh  
dengan kesepian perlu diubahsuai dan cara yang terbaik ialah  
dengan memasuki Pertubuhan dan menjadi ahlinya", kata salah  
satu orang daripada responden. Menurutnya, dengan menganggotai  
sebuah pertubuhan, seseorang yang cacat dapat membuka mata  
dan mempelajari cara berinteraksi dengan orang lain. Melalui  
jalaman ini, kehidupan orang cacat tidak lagi seperti  
ada di bawah tempurung.

1998

Petikan Akhbar 'THONG PAO', 27hb.Mac 1990.

Petikan Akhbar 'THONG PAO', 23hb.July, 1990.